



MATLAMAT
mempelajari ilmu tajwid adalah untuk menjaga lidah daripada tersalah membaca al-Quran.
- Gambar hiasan

Bacaan Qurra lain

SEMAKAN juga dilakukan dengan bacaan Qurra yang masyhur seperti Syeikh Khalil al-Husari iaitu Syeikh Qurra Mesir sekitar tahun 70-an.

Begitu juga dengan bacaan Syeikh Qurra Masjid Nabi iaitu Syeikh Ibrahim Akhdar. Mereka membaca dengan *fathah* pada huruf *wau*, tidak melebihi *ghunnah* pada akhir kalimat yang ada huruf *nun sakinah* dan *mim sakinah*, tidak membaca dengan muncungkan mulut pada kalimat *sirat* dan tidak membaca *ismam* pada kalimat *nasta'in*.

Ramai yang ingin tahu bagaimana cara bacaan Rasulullah SAW. Syeikh Nasir Quttami menyenaraikan enam bentuk bacaan Rasulullah SAW;

- 1 Baginda membaca dengan memanjangkan suara.
 - 2 Baginda membaca dengan waqaf di setiap ayat.
 - 3 Bacaan Baginda amat terang dan jelas.
 - 4 Baginda membaca dengan tadabur maksud ayat yang dibaca.
 - 5 Baginda meninggikan suara dan pada masa yang lain merendahkan suara.
 - 6 Baginda mengulang-ulang ayat seperti ayat 118 surah al-Maidah yang bermaksud: *Jika Engkau menyeka mereka, (maka tidak ada yang menghalanginya) kerana sesungguhnya mereka adalah hamba-hamba-Mu dan jika Engkau mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Engkau lah sahaja Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*
- Justeru, bagi yang ingin membaca fatihah sebagaimana bacaan Rasulullah SAW ialah dengan cara menguasai Ilmu Tajwid dalam semua babnya dan berguru daripada guru yang menerima bacaan bersambung gurunya hingga ke Rasulullah SAW.

Bacaan fatihah Rasulullah

Kuasai ilmu tajwid dalam semua babnya dan berguru daripada guru yang bersambung gurunya hingga ke Rasulullah SAW



Bicara Qiraat

Oleh DR. KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

KETIKA ini tersebar satu klip di laman Internet berkaitan cara bacaan al-Fatihah menurut bacaan Rasulullah SAW. Saya pada mulanya tidak berminat memberi apa-apa ulasan. Namun telah dihubungi seorang kawan yang memerlukan jawapan yang berbentuk ilmu. Apakah yang diterangkan penceramah tersebut menepati kaedah ilmu tajwid?

Selepas beberapa kali mengamati huraian yang dikemukakan oleh al-fadhil penceramah timbul beberapa persoalan yang memerlukan kepada penjelasan. Saya merasakan penjelasan sebegini penting bagi mengelak kekeliruan dan salah faham terhadap bacaan Rasulullah SAW.

Bacaan al-Quran dikawal oleh ilmu tajwid. Ulama meletakkan kaedah ilmu tajwid dalam semua babnya seperti hukum *nun sakinah*, *mim sakinah*, *mad*, *waqaf ibtida* dan lain-lain adalah untuk memastikan bacaan al-Quran yang dibaca oleh Rasulullah SAW terus terjaga.

Dalam prinsip 10 pengenalan ilmu tajwid dinyatakan matlamat mempelajari adalah untuk menjaga lidah daripada tersalah menyebut atau membaca al-Quran.

Walaupun begitu mempelajari tajwid melalui buku atau secara dalam talian (*online*) melalui laman sesawang dan sebagainya adalah tidak mengesahkan bacaannya.

Bacaan al-Quran memerlukan talaqi daripada guru secara bersemuka atau disebut menerima daripada mulut guru. Bermaksud murid membaca di hadapan guru dan guru akan membetulkan bacaan yang tidak tepat.

Talaqi dan kaedah tajwid perlu selari. Jika ada murid yang menghikayatkan

menerima daripada gurunya cara bacaan sebegini namun tidak menepati kaedah tajwid yang disepakati ulama, maka dalam situasi sebegini seseorang perlu memilih dan menerima kaedah tajwid.

Penceramah ada menyebut cara bacaan di akhir ayat kedua pada kalimat al-'Alamin, yang di akhirnya ialah huruf *nun* dan akhir ayat ketiga pada kalimat al-Rahim yang akhirnya ialah huruf *mim*. Kadar *ghunnah* atau dengung yang diterangkan adalah terlebih daripada kadar yang sepatutnya.

Perlu difahami bahawa sifat huruf *nun* dan *mim* ialah *ghunnah*. *Ghunnah* mempunyai beberapa peringkat, jika huruf tersebut bertasydid dinamakan *idgham wajib al-Ghunnah*. Jika kedua-duanya bertasydid tetapi *disukunkan* dengan sebab *waqaf*, kadar sifat dengungnya kekal dua harakat. Tetapi jika keduanya tidak bertasydid dan *disukunkan* dengan sebab *waqaf*, sifat dengungnya daif dan sedikit sahaja.

Dalam huraian juga menyatakan cara menyebut huruf *wau* pada ayat *wa lyyak* dan *wau* pada kalimat terakhir surah al-Fatihah dengan "heruk" mulut. Secara asasnya *wau* di dua tempat itu adalah berbaris di atas atau disebut *fathah*.

Fathah bermaksud buka mulut dengan kadar sederhana. Semua huruf hijaiyyah apabila berbaris di atas akan dibukakan mulut dengan kadar sederhana. Jika "herukkan" mulut seakan dengannya seperti *imalah*. Sedangkan *imalah* mempunyai cara sebutannya yang tersendiri. Justeru yang tepatnya ialah menyebut huruf *wau* dengan baris *fathah* tanpa "diherukkan" mulut.

Disebutkan juga cara bacaan kalimat *nasta'in*, iaitu *nun* di akhir kalimat tersebut dibaca dengan memuncungkan mulut. Istilah untuk muncung mulut atau dua bibir dalam ilmu Tajwid dipanggil *ismam*.

Terdapat satu bab khusus yang membicarakan *ismam*. Dalam riwayat Hafs yang diamalkan hanya satu tempat sahaja yang wajib dibaca dengan *ismam*

iaitu dalam surah Yusuf, ayat yang ke-11.

Selain itu *ismam* juga boleh dibaca pada kalimat yang berbaris di hadapan tetapi disukunkan dengan sebab *waqaf* termasuk kalimat *nasta'in* yang dihuraikan penceramah.

Tujuan *ismam* atau muncung dua bibir adalah untuk menunjukkan bahawa huruf terakhir kalimat tersebut adalah berbaris di hadapan.

Dalam ilmu tajwid apabila pada sesuatu kalimat kaedah asalnya ialah *sukun*. Adapun *ismam* atau *raum* ia adalah *khilah al-Jaiz* iaitu pilihan sama ada mahu membacanya atau tidak. Bermakna jika *waqaf* pada kalimat tersebut kena dahulu kalimah wajah *sukun* berbanding *ismam* atau *raum*.

Seterusnya dihuraikan juga cara sebutan kalimat *sirat* iaitu muncungkan mulut pada sebutan huruf *sad*. Ramai daripada kita mengamalkan ketika menyebut huruf *sad* dengan memuncungkan mulut. Dalam perkara ini kita perlu memahami bahawa *makhraj* huruf *sad* keluar dari hujung lidah yang diletakkan pada bahagian atas gigi kacip sebelah bawah.

Daripada *makhraj* tersebut keluar tiga huruf *zai*, *sin* dan juga *sad*. Walaupun keluar dari tempat yang sama namun sebutannya berbeza kerana setiap satunya mempunyai sifat yang berbeza. Bagi *sad* sifatnya ialah *isti'la*, *hams*, *itbah*, *rakawah*, *safir* dan *ishmat*. Semua sifat ini tidak memberi maksud muncungkan mulut ketika menyebut *sad*.

Memuncungkan mulut atau tidak sebenarnya bergantung kepada harakat atau baris. Jika huruf berbaris hadapan maka hendaklah dimuncungkan dua bibir. Baris *fathah* adalah membuka mulut dengan kadar sederhana dan baris *kasrah* bermaksud merendahkan tulang rahang. Kalimah *sirat*, huruf *sadnya* berbaris *kasrah* atau bawah. Justeru, sama sekali tidak memuncungkan dua bibir.

● PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia